

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 / 8 / 2017

Satu lagi projek mega berteraskan rakyat

ECRL kelas dunia

Oleh MOHD. SHARIZA
ABDULLAH dan SHOFI MAT ISA
utusan@utusan.com.my

■ KUANTAN 9 OGOS

PELAKSANAAN projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bernilai kira-kira RM55 bilion yang berteraskan rakyat menjadi satu lagi projek pengangkutan awam berkelas dunia dari segi keselamatan, kebolehpercayaan dan kecekapan kos sekali gus mencetus pemangkin pertumbuhan ekonomi baharu negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ECRL adalah seperti mana projek transit aliran massa (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang yang membuatkan rakyat percaya kerajaan mampu dan menyediakan kemudahan pengangkutan awam ber-teraf dunia.

Menyifatkan projek mega itu sebagai 'penukar permainan' dan 'penukar minda', beliau kekal dengan tindakan sesetengah pihak yang cuba menggagalkan pelaksanaannya walaupun bermanfaat besar kepada rakyat dan negara.

"Saya ingin memberi jaminan kepada rakyat bahawa kerajaan Barisan Nasional (BN) mempunyai rekod yang mengagumkan dan akan menunaikan janjinya. Pelaksanaan projek MRT adalah bukti terbaharu.

"Menerusi sokongan berterusan rakyat, insya-Allah kita dapat menyaksikan projek ECRL pada 2024 seperti dijanjikan atau lebih awal lagi," katanya ketika berucap menyempurnakan majlis pecah tanah projek ECRL di Kotasas di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Besar Tereng-

Sepanjang
688km
dari Pelabuhan Klang,
Selangor ke Pengkalan
Kubor, Kelantan

2024
Jangka siap

Kos

RM55
bilion

ganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman; Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah yang juga Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) dan Pengarah Eksekutif Kotasas Sdn. Bhd., Tengku Amir Nasser Tengku Ibrahim.

Turut serta, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; dua Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan dan Datuk Seri Nancy Shukri; Ahli Majlis Negeri China, Wang Yong selaku wakil khas Presiden China, Xi Jinping; Pengerusi China Communications Construction Groups Ltd., Liu Qitao, pegawai kanan China serta pemegang berkepentingan projek itu.

Menggunakan slogan 'Menyatu Kehidupan, Memacu Pertumbuhan', pembinaan ECRL menghubungkan Lembah Klang dengan negeri ini, Terengganu dan Kelantan selari dengan inisiatif kerajaan menaik taraf pengangkutan awam di luar bandar.

Najib berkata, projek berimpak tinggi di bawah Rancangan Ma-

laysia Ke-11 (RMK-11) itu mendapat sokongan 95 peratus daripada 17,000 responden hasil kaji selidik yang dijalankan selama tiga bulan.

Tegasnya, kepentingan rakyat diutamakan termasuk menerusi perjanjian dengan China bahawa sekurang-kurangnya 30 peratus kontraktor Malaysia terlibat, selain menyediakan pelatih menerusi Program Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL) untuk bekerja dengan ECRL.

"Projek ECRL membawa kesan ekonomi dan impak sosial positif bagi negeri-negeri di Pantai Timur sekali gus menjadi pemangkin kesaksamaan ekonomi dengan Pantai Barat.

"Ini kerana ia merangsang pelaburan, aktiviti komersial, mewujudkan peluang pekerjaan, memudahkan pendidikan berkualiti dan meningkatkan pelancongan," ujar beliau.

Tambah Najib, ECRL bakal menjadi pengangkutan yang selesa, dengan perjalanan dari terminal pengangkutan bersepadu (ITT) di Gombak, Selangor ke Kota Bharu, Kelantan dijangka kurang empat jam berbanding



purata tujuh jam.

Kata beliau, jajaran ECRL turut menggalakkan pembangunan kawasan perindustrian dan pembangunan berorientasikan transit (TOD) terutama di bandar-bandar yang menjadi stesen perhentian.

"ECRL menghubungkan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) seperti Taman Industri Kuantan Malaysia-China (MC-KIP) dan Taman Halal Gambang di Pahang, Taman Biopolimer Kerteh (Terengganu) dan Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali di Kelantan.

"Dianggarkan 5.4 juta penumpang dan 53 juta tan kargo akan menggunakannya setiap tahun menjelang 2030," katanya.

Sasar
5.4j
penumpang

53j
tan kargo
menggunakan
ECRL setiap
tahun mulai
2030